

06 SEP 2001

DR MAHATHIR ANJUR MAKAN MALAM BAGI ANGGOTA IAP MSE

PUTRAJAYA, 6 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali malam ini meraikan anggota-anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) dalam satu majlis makan malam di kediaman rasmi beliau, Seri Perdana di sini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie, Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad serta Menteri Besar Selangor Datuk Dr Mohd Khir Toyo.

Mesyuarat tiga hari IAP MSE bermula hari ini di Cyberview Lodge di Cyberjaya yang merupakan pusat bagi MSC.

Seramai 26 anggota panel IAP akan menghadiri Ekspo Multimedia Asia MSC di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dan setiap seorang daripada anggota IAP itu kemudian dijadual mengadakan pertemuan empat mata bersama Dr Mahathir di pejabatnya.

Mereka akan diraikan dalam satu majlis makan malam oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia malam esok.

-- BERNAMA

SR AKT PR